



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

UA disaran sedia menu seimbang, teruskan Menu Rahmah

BANGI – Operator makanan dan pengendali kafe di semua kampus universiti awam (UA) disaran untuk menyediakan menu makanan seimbang selain tidak hanya memikirkan untuk mengutamakan keuntungan semata-mata.

Saranan itu disuarakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi kerana perkara tersebut penting bagi memastikan setiap pelajar memperoleh nutrisi yang mencukupi.

Katanya, pada masa sama inisiatif Menu Rahmah yang diperkenalkan terdahulu dapat diteruskan oleh semua UA.

"Sebagai penyedia makanan, tentunya perkara pertama bagi

memastikan makanan disediakan enak dan mengenyangkan tetapi memberi manfaat kesihatan kepada pelanggan.

"Saya harap bukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sahaja menyediakan Menu Rahmah malah kampus lain juga meneruskan inisiatif ini."

"Ini adalah berkat termasuk doa pelanggan terhadap kualiti makanan dengan harga munasabah," katanya ketika berucap merasmikan Kuali Cafe@UKM, di sini semalam.

Dalam pada itu, Menteri Kemanduan Desa dan Wilayah itu turut meminta agar semua operator makanan di UA sentiasa memastikan aspek pengurusan



AHMAD ZAHID (kanan) dan isteri, Datin Seri Hamidah Khamis (dua dari kanan) melihat pelbagai jenis makanan yang dijual ketika hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Kuali Cafe@UKM di Bangi semalam.

sisa manakan terbaik agar tidak menjejaskan alam sekitar.

Sementara itu, Naib Canselor UKM Prof Gs. Ts. Datuk Dr. Mohd Ekhwan Toriman berkata, kafe berkenaan menyediakan Menu Rahmah dengan sajian serendah RM3.

"Kuali Cafe berlitzam memberikan kualiti makanan dan produk yang terbaik dengan harga yang berpatutan sesuai dengan demografi warga kampus yang terdiri pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi."

"Kuali Cafe juga tidak akan meminggirkan pelajar B40 yang berkeperluan khas untuk menerima bantuan makanan," ujarnya.

Teruskan Menu Rahmah di kampus - Zahid

TPM saran utamakan kualiti, makanan seimbang dan tidak hanya fikir untung semata-mata

BANGI

Operator atau pengendali makanan di kampus universiti awam disaran supaya mengutamakan penyediaan makanan yang seimbang dan sihat serta tidak hanya berfokus pada keuntungan semata-mata.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pada masa sama, inisiatif Menu Rahmah juga perlu diteruskan di se-

tiap universiti bagi memanfaatkan lebih ramai pelajar dengan penyediaan makanan yang bernutrisi.

"Saya harap bukan hanya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), malah jualan Menu Rahmah di kampus lain juga mesti diteruskan. Jangan ambil untung sangat. Ia adalah barakah termasuk doa pelanggan (pelajar) terhadap kualiti makanan dan harga yang munasabah," katanya ketika berucap merasmikan pembukaan Kuali Cafe@UKM di Bangunan Pusanika UKM di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, operator makanan juga perlu menumpukan aspek pengurusan sisa makanan yang terbaik agar ia tidak mengganggu ekosistem alam sekitar.



AHMAD ZAHID

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman dalam kenyataan berasingan berkata, beliau berharap agar Kuali Cafe@UKM itu bukan sahaja menjadi satu destinasi untuk menikmati hidangan yang lazat dengan kepelbagaiannya menu, tetapi juga menjadi sebuah ruang untuk warga UKM berkongsi pengalaman, membina kenangan, memahat memori indah dan merapatkan lagi silaturahim.

Beliau berkata, pembukaan Kuali Cafe@UKM adalah sangat tepat pada waktunya untuk melengkapkan lagi rejuvenasi Pusanika UKM dan sebagai sebuah destinasi yang akan menyatukan cita rasa semua warga UKM dengan kepelbagaiannya sajian yang menarik dan lazat. - Bernama

Tiga pembekal didenda miliki barang kawalan tanpa lesen

KOTA BHARU - Tiga pembekal minyak masak dan diesel masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad selepas mengaku bersalah memiliki barang kawalan tanpa lesen sah pada 2023.

Hakim Zulkifli Abdullah menjatuhkan hukuman itu ke atas Zamri Mat Daud, 51; Muhammad Baharuddin Sukri, 31, dan Muhammad Affizan Fauzi, 30.

Pertuduhan dijalankan secara berasingan dengan Zamri didakwa memiliki barang kawalan iaitu 408 kilogram minyak masak dalam keadaan menimbulkan syak di Pengkalan Haram Paija, Pengkalan Kubor, Tumpat pada jam 7.30 pagi, 17 Jun 2023.

Sementara itu, Muhammad Baharuddin didakwa memiliki 1,000.26 liter diesel di tepi jalan lampu isyarat Pasar Raya Salamku Pasir Pekan, Jalan Pasir Pekan-Kutan, Tumpat pada jam 6.55 pagi, 16 November 2023 manakala Muhammad Affizan pula dituduh memiliki barangan sama sebanyak 1,328.535 liter di Lorong Maut, Kampung Neting, Pengkalan Kubor, Tumpat pada jam 8 malam 11 November 2023.

Ketiga-tiga mereka didakwa melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Pertuduhan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Muhammadi Iman Masjuri dan Wan Mohd Razif Wan Ghazali manakala ketiga-tiga tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfaqar Al Basysyar Saharuddin dan Mohd Taufikrullah Rusli. - Bernama

'Extend Menu Rahmah and ensure quality campus food'

> FROM PREVIOUS PAGE

At yesterday's launch, Ahmad Zahid urged food stall and cafe operators at public universities to provide balanced and nutritious meals, rather than focusing solely on profit.

He also said the Menu Rahmah initiative needs to be continued in all universities to ensure that more students have access to affordable and healthy food options.

"I hope this effort extends beyond Universiti Kebangsaan Malaysia, with Menu Rahmah being offered at other campuses as well. Don't just prioritise profits."

"This initiative brings blessings, including the prayers of students for providing nutritious and reasonably priced meals," Ahmad Zahid was quoted as saying by Bernama.

Ahmad Zahid, who is also the Rural and Regional Development Minister, also emphasised the importance of food operators prioritising effective food waste management to prevent disruptions to the environmental ecosystem.

UKM vice-chancellor Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, in a statement, expressed his hopes that the cafe would not only serve as a destination for enjoying delectable dishes with diverse menu options but also as a space for the university community to share experiences, create cherished memories and foster stronger friendships.

He added that the launch of the eatery is timely.

It aims to be a unifying destination for the UKM community, offering an array of enticing and flavourful meals to satisfy varied tastes.



Trio fined RM10,000 each for possession of controlled items without licence

KOTA BHARU: Three traders were fined RM10,000 each by the Sessions Court here yesterday for possession of controlled items without a valid licence.

Judge Zulkifli Abllah meted out the fine on Zamri Mat Daud, 51, Muhammad Baharuddin Sukri, 3, and Muhammad Affizan Fauzi, 30, after they pleaded guilty to their respective charges.

Zamri was charged with possession of 408 kilograms of packet cooking oil at Pengkalan Haram Paija, Pengkalan Kubor, Tumpat at 7.30 am on June 17, 2023, while Muhammad Baharuddin and Muhammad Affizan were charged with unlawful possession of diesel.

Muhammad Baharuddin was charged with possession of 1,000.26 litres of diesel at the traffic lights at Pasaraya Salamku Pasir Pekan, Jalan Pasir Pekan-Kutan, Tumpat at 6.55 am on Nov 16, 2023.

Muhammad Affizan was charged with committing a similar offence, involving 1,328.535 litres of diesel, at Lorong Maut Kampung Netting Pengkalan Kubor, Tumpat at 8 pm on Nov 11, 2023.

In committing the offence, they had violated Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 and were charged under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961.

The prosecution was conducted by prosecuting officers Muhammadi Iman Masjuri and Wan Mohd Razif Wan Ghazali, from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living, while lawyers Muhammad Zulfaqar Al Basysyar Saharuddin and Mohd Taufikrullah Rusli represented the three accused. - Bernama

Tiga pembekal masing-masing didenda RM10,000 miliki barang kawalan tanpa lesen

KOTA BHARU: Tiga pembekal minyak masak dan diesel masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah memiliki barang kawalan tanpa lesen sah pada 2023.

Hakim Zulkifli Abdul-Lah menjatuhkan hukuman itu ke atas Zamri Mat Daud, 51, Muhammad Baharuddin Sukri, 31, dan Muhammad Affizan Fauzi, 30.

Pertuduhan dijalankan secara berasingan dengan Zamri didakwa memiliki barang kawalan iaitu 408 kilogram minyak masak dalam keadaan menimbulkan syak di Pengkalan Haram Paija, Pengkalan Kubor, Tumpat pada 7.30 pagi, 17 Jun 2023.

Sementara itu, Muhammad Baharuddin didakwa memiliki 1,000.26 liter diesel di tepi jalan lampu isyarat Pasar Raya Salamku Pasir Pekan, Jalan Pasir Pekan-Kutan, Tumpat pada 6.55 pagi, 16 Nov 2023 manakala Muham-

mad Affizan pula dituduh memiliki barang sama sebanyak 1,328.535 liter di Lorong Maut, Kampung Neting, Pengkalan Kubor, Tumpat pada 8 malam 11 Nov 2023.

Ketiga-tiga mereka didakwa melakukan kesalan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Muhammadi Iman Masjuri dan Wan Mohd Razif Wan Ghazali manakala ketiga-tiga ter tuduh diwakili peguam Muhammad Zulfaqar Al Basysyar Saharuddin dan Mohd Taufikrullah Rusli. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Guna wang syarikat bayar bonus sendiri Dua bekas pengarah didenda RM100,000

Kuala Lumpur: Dua bekas pengarah syarikat didenda sebanyak RM100,000 setiap orang selepas mengaku bersalah menggunakan wang syarikat sebanyak RM200,000 sebagai pembayaran bonus kepada diri sendiri, tanpa kelulusan mesyuarat agung.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dalam kenyataan semalam memaklumkan Teo Tzi Sin dan Wong Poh Wah, dituduh di bawah seksyen 218(1)(c) Akta Syarikat 2016 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pengarah syarikat untuk manfaat kepada diri sendiri.

Menurut SSM, pembayaran bonus dibuat bersekali dengan pembayaran gaji pada 30 Januari 2018.

Teo dan Wong sebelum ini mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu, namun menukar pengakuan pada 13 Disember lalu. Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan 20 Disember untuk mendengar fakta kes dan menjatuhkan hukuman.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SSM, Nurul 'Ain Shafie dan Nurul Nabilah Azmi, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Ong Weng Li.

Teo dan Wong menjelaskan bayaran denda sejurus selepas prosiding selesai. BERNAMA

Didenda RM100,000 seleleweng wang bayar bonus sendiri

PETALING JAYA — Dua bekas pengarah syarikat didenda masing-masing RM100,000 selepas mengaku bersalah menggunakan wang syarikat RM200,000 sebagai pembayaran bonus kepada diri sendiri tanpa kelulusan mesyuarat agung.

Suruhanjaya Syarikat Ma-

laysia (SSM) dalam kenyataan memaklumkan, Teo Tzi Sin dan Wong Poh Wah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 20 Disember lalu bagi satu pertuduhan mengikut Seksyen 218(1)(c) Akta Syarikat 2016 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Kesejahteraan kerana

menyalahgunakan kedudukan untuk manfaat diri sendiri.

"Pembayaran bonus itu dibuat sekali dengan pembayaran gaji mereka pada 30 Januari 2018. Mereka sebelum ini mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarkan.

"Bagaimanapun pada 13 Disember 2024, mereka telah me-

nukar pengakuan kepada bersalah dan Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan 20 Disember untuk membacaan fakta kes dan hukuman," katanya semalam.

Berikut itu, Tzi Sin dan Poh Wah didenda RM100,000 setiap seorang atau penjara enam bulan jika gagal bayar.

Mereka menjelaskan denda sejurus selepas prosiding selesai.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SSM, Nurul 'Ain Shafee dan Nurul Nabila Azmi, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Ong Weng Li daripada Tetuan WL Ong & Associates.

Bonus RM200k!

Dua bekas pengarah mengaku salah guna wang syarikat bagi imbuhan pada diri sendiri

Bernama

Kuala Lumpur

Dua bekas pengarah syarikat didenda sebanyak RM100,000 setiap orang selepas mengaku bersalah menggunakan wang syarikat sebanyak RM200,000 sebagai pembayaran bonus kepada diri sendiri tanpa kelulusan mesyuarat agung.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dalam kenyataan semalam memaklumkan, Teo Tzi Sin dan Wong Poh Wah dituduh mengikut Seksyen 218(1)(c) Akta Syarikat 2016 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pengarah syarikat untuk manfaat kepada diri

sendiri.

Menurut SSM, pembayaran bonus dibuat bersekali dengan pembayaran gaji pada 30 Januari 2018.

Teo dan Wong sebelum ini mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu, namun menukar pengakuan pada 13 Disember lalu.

Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan 20 Disember untuk mendengar fakta kes dan menjatuhkan hukuman.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SSM Nurul 'Ain Shafie dan Nurul Nabila Azmi manakala kedua-dua ter tuduh diwakili peguam Ong Weng Li.

Teo dan Wong menjelaskan bayaran denda sejurus selepas prosiding selesai.

Kuala Krai: Lebih 1,000 penduduk di Kampung Bukit Budu di sini meluahkan rasa syukur apabila mendapat bekalan air bersih selepas penantian hampir sekian lama.

Projek bekalan air bersih yang dilaksanakan Islamic Aid Malaysia (IAM), sekali gus berjaya membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk sejak 30 tahun lalu yang sebelum ini bergantung kepada sumber bekalan air bukit daripada anak sungai berhampiran.

Presiden IAM, Zawahir berkata, kampung berkenaan dipilih memandangkan sudah lebih 30 tahun penduduk berdepan masalah bekalan air bersih.

"Projek ini mengambil masa dua bulan dan ia memberi manfaat kepada lebih 1,000 penduduk di kampung ini."

"Melalui projek ini, tandak air lama yang terletak di kawasan bukit berhampiran kampung sudah dinaiak taraf bagi tujuan mendapatkan kuantiti air yang lebih banyak dan tekanan yang lebih tinggi."

"Ini termasuk menggantikan paip lama yang sudah rosak dan uzur untuk menyalurkan air yang dirawat ke rumah penduduk kampung," katanya.

Dua bekas pengarah syarikat didenda salah guna kedudukan dapatkan bonus

KUALA LUMPUR: Dua bekas pengarah syarikat didenda sebanyak RM100,000 setiap orang setelah mengaku bersalah menggunakan wang syarikat sebanyak RM200,000 sebagai pembayaran bonus kepada diri sendiri, tanpa kelulusan mesyuarat agung.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dalam kenyataan semalam memaklumkan Teo Tzi Sin dan Wong Poh Wah, dituduh di bawah seksyen 218(1)(c) Akta Syarikat 2016 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pengarah syarikat untuk manfaat kepada diri sendiri.

Menurut SSM, pembayaran bonus telah dibuat bersekali dengan pembayaran gaji pada 30 Jan 2018.

Teo dan Wong sebelum ini mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu, namun telah menukar pengakuan pada 13 Dis lepas. Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan 20 Dis untuk mendengar fakta kes dan menjatuhkan hukuman.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SSM Nurul 'Ain Shafie dan Nurul Nabila Azmi manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Ong Weng Li.

Teo dan Wong telah menjelaskan bayaran denda sejurus selepas prosiding selesai.
— Bernama

Dua bekas pengarah syarikat didenda salah guna kedudukan dapatkan bonus

KUALA LUMPUR: Dua bekas pengarah syarikat didenda sebanyak RM100,000 setiap orang setelah mengaku bersalah menggunakan wang syarikat sebanyak RM200,000 sebagai pembayaran bonus kepada diri sendiri, tanpa kelulusan mesyuarat agung.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dalam kenyataan semalam memaklumkan Teo Tzi Sin dan Wong Poh Wah, dituduh di bawah sek-

syen 218(1)(c) Akta Syarikat 2016 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pengarah syarikat untuk manfaat kepada diri sendiri.

Menurut SSM, pembayaran bonus telah dibuat bersekali dengan pembayaran gaji pada 30 Januari 2018.

Teo dan Wong sebelum ini mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu, namun telah menukar pengakuan

pada 13 Disember lepas. Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan 20 Disember untuk mendengar fakta kes dan menjatuhkan hukuman.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SSM Nurul 'Ain Shafie dan Nurul Nabila Azmi manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Ong Weng Li.

Teo dan Wong telah menjelaskan bayaran denda sejurus selepas prosiding selesai.
— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

KPDN, JPJ bincang kegiatan 'ejen kosmetik' minggu ini

Pertemuan tumpu kepada tindakan undang-undang boleh diambil secara bersama

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bertemu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada minggu ini berhubung kegiatan 'ejen kosmetik' kenderaan berat yang menyediakan khidmat termasuk 'sewa tayar'.

Perbincangan itu antara lain dijangka memberi perhatian kepada bidang kuasa yang boleh diperhalusi bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil secara bersama oleh kedua-dua agensi terbabit terhadap pihak berkenaan.

Ketua Pengarah Penguatkuasaan KPDN, Datuk Azman Adam, ketika mengesahkan rancangan pertemuan itu, berkata Ketua Pengarah JPJ, Datuk Aedy Fadly Ramli, ada menghubunginya kemarin, namun beliau tidak dapat berkongsi butiran perbincangan sehingga pertemuan yang dirancang itu berlangsung.

"Biar kita bincang dulu dengan JPJ, baru boleh beri kenyataan. Kita belum berbincang lagi dan belum tahu hasil perbincangan itu lagi. Selepas selesai bincang, baru saya boleh beritahu. Kita akan bincang, tengok bidang kuasa apa yang boleh diperhalusi, itu yang kena tengok secara terperinci," katanya kepada *BH*, semalam.

Semalam, *BH* melaporkan JPJ mengakui wujud perkhidmatan digelar 'ejen kosmetik' menyediakan khidmat kepada kenderaan berat, termasuk 'sewa tayar' untuk mendapat kelulusan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM).

Selubungan itu, JPJ sedang merangka tindakan melalui kerjasama dengan KPDN bagi menangani isu berkenaan kerana



tindakan itu satu penipuan berbahaya apabila ketika pemeriksaan di PUSPAKOM, mereka menggunakan tayar kenderaan disewa dan elok berbanding tayar sebenar.

Tiada kuasa masuk premis

Bagaimanapun, JPJ tiada kuasa untuk masuk ke premis berkenaan dan akan berbincang dengan KPDN berhubung perkara itu dalam masa terdekat.

Khidmat menukar tayar atau komponen lain kepada yang elok semata-mata untuk lulus pemeriksaan PUSPAKOM ada diiklankan secara terbuka di media sosial yang mencuri tumpuan selepas tragedi mengorbankan tujuh nyawa di Melaka, 23 Disember lalu.

Nahas mengorbankan lima sekeluarga, seorang pemandu bas persiaran dan seorang penumpangnya di Kilometer 204 Lebuhraya Utara-Selatan arah utara dekat kawasan rehat dan rawat Ayer Keroh.

Polis dilaporkan berkata, tayar depan kanan sebuah lori dipandu lelaki berusia 31 tahun tercabut dan berada di lorong tengah, sebelum dilanggar bas persiaran yang kemudian hilang kawalan dan terbabas ke laluan bertenang serta merempuh tiga kenderaan lain.

Susulan itu, JPJ pada Isnin minggu lalu melancarkan Op Mengejut PUSPAKOM serentak di seluruh negara dan mengesan ada kenderaan berat menggunakan tayar celup uzur dan tidak selamat yang berisiko meletup bila-bila masa, hadir pemeriksaan di pusat berkenaan.

JPJ juga tidak menolak kemungkinan ada segelintir kes sama berjaya lepas sebelum ini dan menjalankan siasatan lanjut terhadap kenderaan disita serta kaitangan PUSPAKOM yang meluluskan lori tidak mematuhi piawaian ditetapkan.

Tubuh pasukan khas perkata penguatkuasaan

Kuala Lumpur: Aspek penguatkuasaan perlu dimantapkan dengan pembumian pasukan khas rentas kementerian, agensi dan industri untuk memastikan pemantauan dijalankan secara berkesan, serta menjamin tindakan terhadap pelanggaran piawaian pengeluaran dan penggunaan tayar di negara ini.

Justeru, pakar mengesyorkan pasukan itu dianggotai agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN); Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) serta pembabitan syarikat pengeluar tayar.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, menegaskan pembumian pasukan khas itu satu langkah penting untuk menjalankan penguatkuasaan jangka panjang, dalam memastikan kualiti tayar di pasaran.

Selain itu, beliau berkata pasukan petugas itu juga dapat meningkatkan kesedaran melalui program pendidikan kepada pelanggan dan pengguna, serta menyokong penyelidikan untuk memperbaiki piawaian tayar.

"Secara umumnya, JPJ memang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan jalan raya, termasuk memastikan tayar yang digunakan di jalan raya menebat piawaian keselamatan yang ditetapkan.

"Namun dalam operasi rutin,

JPJ mungkin lebih fokus kepada keselahan lain yang lebih ketara seperti kelajuan berlebihan, pemilikan lesen yang sah atau pelanggaran peraturan jalan raya yang lain.

"Justeru, saya sarankan agar pemantauan dilakukan dengan lebih ketat mencakupi pemeriksaan berkala di premis yang menjual tayar celup untuk memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan, termasuk penguatkuasaan jitu seperti mengenakan denda atau tindakan lebih tegas kepada pengusaha yang melang-

gar peraturan," katanya kepada *BH*, semalam.

Mengenai undang-undang terpakai dalam isu penggunaan tayar celup, Teik Hua menjelaskan ia termaktub Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Peraturan-Peraturan Pengangkutan Jalan Raya 1959.

Menerusi Akta 333, jelasnya JPJ boleh melakukan pemantauan dari aspek pemeriksaan ke layakan kenderaan atau *vehicle road worthiness inspection* ke atas kenderaan perdagangan setiap enam bulan melalui pemeriksaan berkala.

Di pihak SIRIM pula, beliau berkata agensi itu mengeluarkan piawaian seperti MS 2434 untuk tayar celup yang menebat spesifikasi ditetapkan.

"Di bawah Akta 333, antara elemen pemeriksaan yang terlibat bagi mengesan dan mengenalpasti penggunaan tayar tidak menebat piawaian pada kenderaan berat, adalah dengan melaksanakan pemeriksaan visual terhadap tayar.

"Ia dengan memastikan ia me-

matuhi spesifikasi dan teknikaliti serta piawaian tayar yang ditetapkan melalui perundangan antarabangsa," katanya.

Untuk memudahkan urusan mengesan tayar tidak mematuhi spesifikasi, Teik Hua turut mencadang agar pihak berkenaan mengaplikasikan pemeriksaan tayar secara digital, dengan menggunakan alat pengimbang atau alat ukur digital.

Dengan peranti itu, beliau berkata ia boleh menilai ketebalan tapak tayar dan mengenal pasti kerusakan tersembunyi seperti retakan atau tanda kehausen yang tidak kelihatan secara fizikal, sekali gus membolehkan pegawai JPJ melakukan pemeriksaan dengan lebih tepat dan efisien.

"Kerajaan juga disarankan memperkenalkan sistem pengeasan untuk memeriksa sejarah dan asal-usul tayar, seperti kod QR atau RFID yang boleh diimbas untuk mengesahkan sama ada tayar telah melalui proses celupan yang memenuhi piawaian keselamatan," katanya.

Saya sarankan agar pemantauan dilakukan dengan lebih ketat mencakupi pemeriksaan berkala di premis yang menjual tayar celup untuk memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan



Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan
Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan UPM



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 JANUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Jan	KPDN Sandakan catat nilai rampasan lebih RM3.3 juta tahun lalu	https://sabahmedia.com/2025/01/03/kpdn-sandakan-catat-nilai-rampasan-lebih-rm3-3-juta-tahun-lalu/	SABAH MEDIA
6-Jan	3 pembekal minyak didenda miliki barang kawalan tanpa lesen	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1173265/3-pembekal-minyak-didenda-miliki-barang-kawalan-tanpa-lesen	HARIAN METRO
6-Jan	Tiga Pembekal masing-masing Didenda RM10,000 Miliki Barang Kawalan Tanpa Lesen	https://astroawani.com/berita-malaysia/tiga-pembekal-masingmasing-didenda-rm10000-miliki-barang-kawalan-tanpa-lesen-503314	ASTRO AWANI
6-Jan	Tiga Pembekal masing-masing Didenda RM10,000 Miliki Barang Kawalan Tanpa Lesen	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2379492	BERNAMA
6-Jan	Tiga pembekal masing-masing didenda RM10,000 miliki barang kawalan tanpa lesen	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1345307/tiga-pembekal-masing-masing-didenda-rm10000-miliki-barang-kawalan-tanpa	BERITA HARIAN
6-Jan	Three traders fined RM10,000 each for possession of cooking oil, diesel without licence	https://thesun.my/malaysia-news/three-traders-fined-rm10000-each-for-possession-of-cooking-oil-diesel-without-licence-FO13484504	THE SUN
6-Jan	2 bekas pengarah syarikat bayar bonus kepada diri sendiri didenda	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/05/2-bekas-pengarah-syarikat-bayar-bonus-kepada-diri-sendiri-didenda/	FREE MALAYSIA TODAY
6-Jan	Bekas pengarah syarikat didenda RM100,000, bagi bonus diri sendiri	https://www.kosmo.com.my/2025/01/05/bekas-pengarah-syarikat-didenda-rm100000-bagi-bonus-diri-sendiri/	KOSMO
6-Jan	Beri bonus pada diri sendiri, dua bekas pengarah didenida RM100,000 setiap seorang	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/beri-bonus-pada-diri-sendiri-dua-bekas-pengarah-didenda-rm100000-setiap-seorang/	UTUSAN MALAYSIA

6-Jan	Dua bekas pengarah syarikat didenda, salah guna kedudukan untuk bayar bonus pada diri sendiri	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1173134/dua-bekas-pengarah-syarikat-didenda-salah-guna-kedudukan-untuk-bayar-bonus	HARIAN METRO
6-Jan	Dua bekas Pengarah Syarikat didenda salah guna kedudukan untuk bayaran bonus	https://malaysiagazette.com/2025/01/05/dua-bekas-pengarah-syarikat-didenda-salah-guna-kedudukan-untuk-bayaran-	MALAYSIA GAZETTE
6-Jan	Dua Bekas Pengarah Syarikat Didenda Salah Guna Kedudukan Untuk Bayaran Bonus	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2379441	BERNAMA
6-Jan	Seleweng wang syarikat bayar bonus sendiri, bekas pengarah didenda RM100,000	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1345215/seleweng-wang-syarikat-bayar-bonus-sendiri-bekas-	BERITA HARIAN
6-Jan	Dua bekas pengarah didenda guna wang syarikat bayar bonus diri sendiri	https://astroawani.com/berita-malaysia/dua-bekas-pengarah-didenda-guna-wang-syarikat-bayar-bonus-diri-sendiri-503292	ASTRO AWANI
6-Jan	2 bekas pengarah syarikat didenda salah guna kedudukan untuk bayaran bonus	https://www.sinarharian.com.my/article/705502/berita/semasa/2-bekas-pengarah-syarikat-didenda-salah-guna-kedudukan-untuk-	SINAR HARIAN
6-Jan	TPM Ahmad Zahid saran utamakan kualiti, teruskan Menu Rahmah di kampus	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/01/1345296/tpm-ahmad-zahid-saran-utamakan-kualiti-teruskan-	BERITA HARIAN